

## Program Misi Perdana de'Everest dilancarkan

**P**UTRAJAYA: Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Kelab Kembara Negara melancarkan program jelajah Kembara Misi Perdana de'Everest 2010/2011 (ET2011) bagi memberi pendedahan dan memupuk minat generasi muda terutama pelajar terhadap sukan mendaki.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ahmad Shabery Cheek, berkata program berkenaan selari dengan kehendak generasi muda hari ini yang menjadikan aktiviti sukan mendaki sebagai sebahagian daripada gaya hidup mereka.

Ahmad Shabery berkata,

program berkenaan diharap dapat memupuk gaya hidup sihat dan melahirkan lebih ramai generasi muda yang berkeyakinan, berdisiplin dan mampu membawa misi menawan Everest, pada masa depan.

"Program ini bukan hanya tertumpu kepada generasi muda semata-mata kerana tiada maknanya kita berusia 20 tahun tetapi tidak sanggup mengharungi cabaran mendaki gunung tertinggi di dunia," katanya pada sidang media selepas melancarkan Kembara Misi Perdana ET2011 di Menara KBS di sini, semalam.



**SHABERY (enam kanan)** melepaskan Kelab Kembara Negara, Misi Perdana de' Everest 2010/11 yang diketuai bekas Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Khalid Yunus (lima kiri) di perkarangan Kementerian Belia dan Sukan, semalam.